



3rd Issue
VOLUME 2
OCTOBER 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?



- Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor
- Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu
- UiTM Mukah Rakan Strategik Utama Jom Masuk U (JMU) 2024 Zon Sarawak II, Sibu
- Impact Digital Community Tourism (IDCT) Mini Showcase
- SULAM AGA109: Ke Arah Memperlengkap Kebolehpasaran Pelajar ATI22 Dengan Aktiviti Khidmat Komuniti


HIGHLIGHTS:



TABLE OF CONTENT

- 01.** From Deputy Rector's Desk
- 02.** From Assistant Rector's Desk
- 03.** Chief Editor's Note
- 04.** Editorial Board
- 05.** Highlights
- 11.** News and Articles
- 44.** Creative Writing
- 52.** Thank You
- 53.** Congratulations!
- 66.** Press and Media Coverage





EDITORIAL BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyiusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 October 2024



NEWS AND ARTICLES

YOUTH ENTREPRENEURSHIP AND INNOVATION PROGRAM (Y.E.I.P) 2024

Penulis: Noraini Sa'ait, Siti Farah Lajim dan Agnes Kanyan

Unit Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Youth Entrepreneurship and Innovation Program (Y.E.I.P.) 2024. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula daripada 7 sehingga 9 Jun 2024 ini telah dianjurkan dengan kerjasama beberapa rakan strategik yang terdiri daripada persatuan pelajar UiTM Kampus Mukah iaitu D'Bes, D'Bankers, D'Planters, D'Herbalist, Jawatankuasa Perwakilan Kolej dan Adikarya. Perasmian Penutupan program telah disempurnakan oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, Professor Madya Dr. Abdul Razak Bin Abdul Kadir.



Poster hebahan Y.E.I.P. 2024

Antara objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan perkongsian ilmu dan pengalaman di antara usahawan yang berpengalaman bersama para pelajar. Selain itu, program ini juga bertindak sebagai platform membudayakan inovasi dalam kalangan pelajar melalui ekspos dan pertandingan inovasi yang diadakan. Para pelajar juga telah diperkenalkan dengan agensi yang memberi bantuan keusahawanan serta pengurusan kewangan. Sasaran utama peserta program ini adalah pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah terutamanya yang mengambil subjek Fundamentals of Entrepreneurship (ENT300) dan Creative and Critical Thinking (MGT315).

Program ini dimulakan dengan Pendidikan Kewangan Belia bersama Prudential pada hari pertama, diikuti dengan Youth Innovation Competition yang telah disertai seramai 150 orang pelajar pada hari kedua dan diteruskan dengan Ceramah Kesedaran Kampus Lestari. Pada hari ketiga, sesi perkongsian usahawan tempatan iaitu Program Zero to Hero telah diadakan. Sepanjang program, pengisian malam dimeriahkan dengan UiTM Night Bazaar yang bertemakan Pesta Rock and Roll yang telah disertai 33 vendor tempatan dan persatuan pelajar dan secara tidak langsung ini telah membantu merancangkan aktiviti keusahawanan di UiTM Kampus Mukah. Akhir sekali, program ini juga telah diserikan lagi dengan persembahan pelajar serta Pertandingan Akhir Karaoke.